

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A 2016/12/104 (HQ)**

### **SENGGARAAN DIPERLUKAN DEMI PENGGUNA/PELANGGAN & BAGI MEMASTIKAN KELANGSUNGAN BEKALAN AIR**

- Pemilihan tarikh keputusan kolektif
- Risiko lebih besar jika ditangguh lagi

Henti tugas (shutdown) Pencawang Masuk Utama (PMU) Bukit Badong esok adalah demi kepentingan pelanggan/pengguna dan bagi memastikan kelangsungan bekalan air, kata Ketua Pegawai Korporat, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Wira Roslan Ab. Rahman.

Sebagai syarikat utiliti negara, TNB sentiasa mengambilkira kepentingan pelanggan termasuk dalam menjalankan kerja-kerja yang memerlukan bekalan elektrik dihentikan buat sementara waktu, katanya.

Henti tugas yang dijadualkan esok adalah bagi membolehkan kerja-kerja senggaraan (preventive maintenance) dan pemasangan sistem perlindungan arka (arc protection) dapat dibuat dengan selamat di PMU di Kuala Selangor itu.

Menurut Roslan kerja-kerja yang dijadualkan selama 16 jam itu tidak boleh ditangguhkan lebih lama lagi.

Terkini, situasi peralatan di PMU tersebut semakin meruncing di mana sebarang penangguhan akan memberi kesan kepada bekalan elektrik dalam tempoh yang lama.

"Pemeriksaan secara fizikal, termasuk imbasan haba (thermal scanning) pada 15 Disember lalu mendapati ada dua titik panas (hot spots) yang memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan kerosakan besar berlaku kepada peralatan di PMU.

"Sekiranya kerja-kerja yang dijadualkan ditangguhkan lagi, kemungkinan percikan arka (flashover) berlaku bila-bila masa dan kerja-kerja baik pulih peralatan di PMU akan mengambil masa hingga tiga minggu.

"Semestinya kerja-kerja senggaraan ini telah menjadi satu kecemasan dan risiko yang amat merunsingkan kami," katanya.

Roslan juga menjelaskan pemilihan tarikh tersebut dibuat secara keputusan kolektif dalam satu mesyuarat yang diadakan oleh Surahanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Mesyuarat pada 31 Oktober 2016 itu telah dihadiri wakil dari sektor air antaranya Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) selain TNB.

Kerja-kerja itu pada asalnya dijadualkan pada 27 September 2016. Namun, pihak sektor air yang terlibat memohon ianya ditangguhkan.

"Kami akan memastikan kerja-kerja dilakukan mengikut perancangan dan pelan kontingensi yang dipersetujui semua pihak yang terlibat," katanya.

Walaupun henti tugas PMU Bukit Badong akan menyebabkan gangguan kepada loji-loji rawatan air utama ke kawasan Selangor dan Kuala Lumpur, bekalan elektrik kepada pengguna lain di sekitar PMU berkenaan tidak terjejas kerana elektrik akan disalurkan menerusi set janakuasa bergerak.

"Kapasiti voltan set janakuasa bergerak pula tidak serasi (incompatible) dengan voltan loji-loji rawatan bagi membolehkan elektrik disalurkan," kata Roslan lagi.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 18 Disember 2016**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*